YIP FOOK TAI

lwn.

MANJIT SINGH MEHAR SINGH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL RAZAK H
[PETISYEN PERCERAIAN NO. 86-47-55-88]
3 MEI 1990

UNDANG-UNDANG KELUARGA: *Permohonan mendapatkan hak jagaan kanak-kanak - Perkahwinan mengikut adat Cina - Kesan suami memeluk ugama Islam - Sama ada Mahkamah ada bidangkuasa - Prinsip kebahagiaan dan kebaikan anak - Mendidik anak mengikut ajaran Islam - Perlembagaan Persekutuan Fasal 121(1)(a).*

Dalam kes ini pempetisyen telah memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan hak jagaan anak perempuannya yang sulung. Pempetisyen dan responden telah berkahwin mengikut adat resam Cina pada tahun 1982 dan kini mempunyai dua orang anak, berumur 8 tahun dan 5 tahun. Mereka telah bercerai atas permohonan pempetisyen apabila responden memeluk agama Islam. Pada masa perceraian, anak perempuan yang sulung dipelihara oleh responden, manakala yang bongsu dipelihara oleh pempetisyen.

Di peringkat awal perbicaraan, persoalan telah ditimbulkan samada Mahkamah mempunyai bidangkuasa mendengar kes ini. Mahkamah telah memutuskan yang ia ada bidangkuasa kerana kes ini telah dikemukakan sebelum pindaan Fasal 121 Perlembagaan Persekutuan dibuat.

Diputuskan:
[1] Soal-soal penting yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah dalam menentukan sama permohonan ini harus dibenarkan ataupun tidak ialah amalan hidup seharian orang Islam, iaitu hal-hal yang berkaitan dengan halal haram, makan minum, memberi didikan ugama kepada anak, umpamanya membaca Quran, sembahyang dan puasa.

[2] Satu perkara lagi yang penting diberi pertimbangan ialah bahawa anak perempuan yang sulung itu sekarang ini telah duduk bersama dengan ayahnya (responden); untuk memisahkan anak itu dengan ayahnya (responden) sudah tentu akan menggugat perasaannya, apakah lagi anak itu sudah mesra dengan responden.

[3] Mahkamah telah bertanyakan kepada anak-anak berkenaan akan pilihan mereka; anak yang bongsu memilih hidup kekal bersama ibunya (pempetisyen) manakala anak perempuan yang sulung memilih bersama dengan ayahnya (responden); oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat, atas alasan memelihara kebahagiaan dan kebaikan anak, permohonan pempetisyen ditolak.

[Perintah sewajarnya.]

Perundangan yang dirujuk:
Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976, s. 51
Federal Constitution, art. 121(1)(a)

Bagi pihak pempetisyen - Tetuan Balwant Singh Sidhu & Co.
Bagi pihak responden - Tetuan Michael Chen & Lee

PENGHAKIMAN

Abdul Razak H:

Permohonan di hadapan saya adalah supaya pihak pemohon membenarkan hak jagaan (custody) bagi anaknya. Permohonan seperti ini biasanya tidak menyulitkan, tetapi di sini kesulitan telah berbangkit yang mana saya akan menerangkan.

Mengikut keterangan yang tidak dipertikaikan, kedua-dua pihak telah berkahwin mengikut adat resam Cina pada 13 Februari 1982. Hasil daripada perkahwinan itu dua orang anak perempuan telah dilahirkan yang sekarang berumur 8 tahun dan 5 tahun. Malangnya, selepas 4 tahun duduk bersama, mereka telah bercerai. Permohonan perceraian itu telah dibuat di bawah s. 51 Undang-undang Perceraian dan Perkahwinan 1976 oleh pihak pemohon kerana suaminya telah memeluk ugama Islam, yang membolehkan perkahwinan itu, atas itu sahaja, dimansuhkan.

Pada awal-awal perbicaraan, perdebatan telah berbangkit atas samada, pihak Mahkamah mempunyai bidang kuasa membicarakan kes ini kerana dikatakan telah ditarik balik oleh pindaan yang dibuat kepada Fasal 121(1)(a) Perlembagaan yang menyatakan bahawa, Mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa lagi di dalam perkara-perkara di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, tetapi saya telah memutuskan sebaliknya bahawa Mahkamah masih mempunyai kuasa kerana kes ini telah dikemukakan ke Mahkamah sebelum pindaan itu dibuat.

Pada masa perceraian, anak perempuan yang sulung itu duduk bersama dengan bapanya dan yang bongsu dengan emaknya. Permohonan ini adalah bersabit dengan anak yang sulung, yang kini menetap dengan bapanya. Yang menjadi rumit di sini ialah kerana pihak penentang telah membantah bahawa anak yang terbabit tidak boleh dijagai oleh emaknya yang bukan berugama Islam tetapi berugama Kristian sebagai "Roman Catholic". Di dalam hujahnya peguam defendan berkata bahawa ugama Islam bukan sahaja suatu ugama tetapi suatu cara hidup yang berlainan dengan cara hidup orang-orang Kristian pada segi makanan, membuat amalan sembahyang, mendidik anak-anak di segi ugama dan sebagainya. Pihak pemohon telah disoal oleh peguam pihak penentang atas kesulitan-kesulitan memelihara anaknya sebagai yang berugama Islam. Ia mengakui kesulitan-kesulitan itu ada bahkan setengah darinya itu belum pernah terlintas di hatinya bagaimana ia hendak mengatasinya. Atas pengakuan itu adalah wajar pemohon diberi hak memelihara anaknya.

Saya rasa kedudukan anak yang sulung itu di dalam masyarakat yang bukan Islam amatlah penting bagi menentukan samada permohonan ini harus dibenarkan atau tidak. Ugama Islam mementingkan istiadat-istiadat ugama itu diamalkan serentak dengan kehidupan kita hari-hari. Amalan-amalan ini termasuklah ditegah memakan benda-benda yang dilarang yang tidak payah saya sebutkan. Binatang-binatang haiwan yang hendak dimakan hendaklah disembelih dengan cara Islam yang tersendiri. Darahnya itu tidak boleh dimakan, semacam mana kesukaan setengah-setengah orang-orang yang bukan Islam. Perkara yang menyulitkan ialah menggunakan pinggan mangkok dan periok belanga yang telah digunakan bagi memasak atau memakan benda-benda yang haram, melainkan setelah disamak. Satu kesulitan lagi, bagaimanakah anak yang berugama Islam boleh mengelak dari memakan barang-barang yang ditegah sambil adiknya yang duduk bersama dan yang bukan Islam dibenarkan memakan makanan yang ditegah. Lama-kelamaan, tidak dapat dielakkan, kakaknya itu dengan sendiri akan terpengaruh memakan makanan yang tidak halal. Dengan ibu yang bukan Islam, yang tidak tahu atas hal-hal ini, bagaimanakah anaknya boleh dipelihara dengan sempurna mengikut lunas-lunas Islam supaya ia akan besar sebagai seorang Islam. Amalan pada segi sembahyang adalah juga penting. Anak-anak hendaklah diajar membaca Quran dari masa kecil lagi dimulai dengan membaca Mukkadam. Biasanya tugas ini dilakukan oleh ibunya sendiri. Apakah ini boleh dilakukan oleh ibu yang bukan Islam. Semacam mana juga membaca Quran, sembahyang juga hendaklah dimulakan dari masa kecil. Biasanya, perkara ini dimulakan oleh ibunya dengan menyuruh anaknya itu mengikut sahaja ibubapa itu sembahyang semasa ia masih kecil yang ternyata tidak dapat dilakukan oleh pihak pemohon. Begitu juga dengan kewajipan berpuasa. Anak-anak itu, seperti sembahyang juga, hendaklah dimulakan diajar berpuasa dari kecil dan tugas ini dilakukan oleh si ibu. Perkara-perkara ini sedikit sebanyak menunjukkan masalah-masalah yang berbangkit yang agak saya payah hendak diatasi oleh pihak pemohon.

Satu perkara yang harus diambilkira ialah pihak pemohon telah meninggalkan rumah dengan membawa bersama-sama anak bongsunya dan meninggalkan anak sulung yang kini duduk bersama pihak penentang. Ini telah berlaku pada tahun 1986 lagi. Mengikut pihak penentang yang tidak dinafikan, kedua-dua pihak bersetuju atas pembahagian anak mereka begini. Bagaimanakah sekarang, setelah kian lama kedua-dua anak itu dipisahkan, yang mana yang sulung itu direstui duduk bersama-sama ayahnya, ia sekarang hendak diceraikannya pula yang sudah tentu akan menggugat perasaannya kerana ternyata lebih mesra dan cenderong duduk bersama-sama bapanya. Bagaimana pun, manakah letaknya keadilan pihak pemohon sendiri di dalam hal ini, kalau kemuncak kepada sebab-sebab perpecahan ini dan seterusnya kepada perpecahan anak mereka disebabkan kerana ia telah meninggalkan rumah dengan tidak ada apa-apa sebab melainkan, mengikut pihak penentang, kerana ia tidak mempunyai kerja pada seketika itu. Di dalam keadaan di mana beribu-ribu siswazah universiti kini sedang mengganggur, apakah ini suatu sebab yang amat besar, yang harus membawa kepada perpecahan rumahtangga. Satu perkara juga harus menjadi ukuran. Saya telah melihat kedua-dua anak yang terbabit dan bertanyakan kepada mereka kesukaan mereka berdua menetap, samada dengan ibu atau dengan bapa. Anak yang bongsu itu mengatakan kehendaknya duduk terus bersama-sama ibu, tetapi anak yang sulung, semacam mana yang dijangka, mahu kekal bersama-sama bapanya. Atas sebab-sebab yang dinyatakan, maka saya berpendapat adalah bagi kebahagiaan dan kebaikan anak yang menjadi isu di sini, dibenarkan duduk bersama bapanya. Saya memutuskan oleh itu bahawa permohonan ini ditolak dengan bayaran kos.

Also found at [1990] 2 CLJ 605